

Hampir 80 peratus taska di negara ini beroperasi secara haram

Kosmo 06 OCT 2010 M/S 2

Taska haram punca kes dera

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Percaya atau tidak, sebanyak 2,077 pusat asuhan kanak-kanak atau taska di negara ini didapati beroperasi secara haram. Jumlah itu mewakili 80 peratus taska yang terdapat di Malaysia.

EKSKLUSIF

Pengarah Bahagian Perundangan dan Advokasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Zaitol Salleh berkata, 12 kes kematian kanak-kanak di taska haram dalam tempoh hampir dua tahun kebelakangan ini membuktikan kewujudan taska haram tidak boleh dibiarkan.

Beliau berkata, antara punca kematian mangsa ialah tercekik

susu atau makanan, kurang pengawasan pengasuh, terjerut atau terjatuh dari buaian serta mengambil kanak-kanak dalam nisbah yang terlalu ramai.

“Kita sangat bimbang kerana pihak taska melatih pengasuh yang tidak terlatih malah rata-rata spesifikasi taska tidak menepati piawaian keselamatan JKJ,” katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Zaitol menjelaskan, Selangor ialah negeri yang mempunyai lambakan taska haram tertinggi iaitu 637 buah diikuti Kuala Lumpur sebanyak 371 buah.

“Taska yang berdaftar secara sah dengan kerajaan setakat ini berjumlah 435 buah dan angka tersebut amat menyedihkan,” katanya.

Yang menghairankan, kata beliau, proses pendaftaran taska dengan

Rata-rata pusat jagaan kanak-kanak yang beroperasi secara haram didapati tidak menepati spesifikasi keselamatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



ZAITOL SALLEH

JKM sebenarnya tidak sukar.

“Kesukaran mereka ialah berurusan bagi mendapatkan kebenaran agensi seperti pihak berkuasa tempatan, bomba atau Jabatan Kesihatan,” ujarnya.

Dalam peraturan JKJ, katanya, seorang pengasuh hanya boleh menjaga lima kanak-kanak ber-

umur tiga tahun sementara bagi kategori kanak-kanak yang berumur antara tiga hingga empat tahun, pengasuh hanya boleh menjaga 10 kanak-kanak.

Bagi taska yang menjaga lebih daripada empat orang kanak-kanak, petugasnya wajib didaftarkan dengan JKJ.

“Bagaimanapun, dalam realiti sebenar, syarat-syarat tersebut tidak diikuti oleh kebanyakan taska memandangkan mereka tidak mendaftar dengan kerajaan,” katanya.


Beliau berkata, warganegara asing sama ada dari Indonesia, Nepal mahupun dari Kemboja juga dilarang sama sekali dilantik menjadi pengasuh kerana ia melanggar Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

“Tetapi apa yang berlaku ialah banyak pengusaha melantik pengasuh dari negara berkenaan untuk bekerja di tempat mereka,” katanya.

Orang ramai yang ingin mengetahui sama ada sesebuah taska itu berdaftar atau tidak boleh melayari laman web www.kpwkm.gov.my atau menghubungi Talian Nur 15999.

Info Statistik taska tidak berdaftar

Negeri	Tidak berdaftar	Jumlah berdaftar
Selangor	637	80
Perak	82	66
Johor	122	20
Melaka	65	3
N.Sembilan	81	31
Kelantan	130	8
Kedah	76	21
Perlis	25	4
Pahang	12	53
P.Pinang	149	13
Terengganu	150	31
Sabah	139	52
Sarawak	38	15
K.Lumpur	371	35
WP Labuan	-	3
Jumlah	2,077	435



TIDAK ramai ibu bapa yang mengetahui bahawa taska di Bandar Sri Mahkota, Cheras ini beroperasi secara haram.